

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

OLEH :

SUZILIANA ANISMA MOHD AZMI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)

LAPORAN LATIHAN INDUSTRI DISERAHKAN KEPADA
JABATAN PENGURUSAN DAN PEMASARAN
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA
(KUSTEM)

2005

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI JABATAN KASTAM DI RAJA MALAYSIA

Oleh:

**SUZILIANA ANISMA BT MOHD AZMI
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(MARITIM)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

**Jabatan Pengurusan dan Pemasaran
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)**

2005

1100039950

PENGESAHAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **Suziliana Anisma bt. Mohd Azmi** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi Kursus PGN4799 adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berasaskan pengaplikasian teori dan pengalaman yang di pelajari semasa menjalani latihan industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.

Tandatangan



Nama: **Suziliana Anisma bt. Mohd Azmi**

Tarikh: 30 NOVEMBER 2005

Disahkan Oleh:



Penyelia KUSTEM

b/p Pengerusi Latihan Industri

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

KUSTEM

PENGHARGAAN

Allhamdulillah syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya, saya dapat menjalani latihan industri di Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor dengan jayanya. Selama hampir tiga bulan berada di Jabatan Kastam, saya telah banyak mempelajari dan mengalami pengalaman baru terutamanya di dalam menempuhi alam pekerjaan selepas bergraduati.

Di sini saya ingin menyampaikan jutaan terima kasih kepada penyelia latihan industri saya iaitu Cik Nor Suriyati bt. Othman kerana banyak memberikan tunjuk ajar dan dorongan kepada saya untuk menjalankan latihan industri dengan baik. Tunjuk ajar beliau di dalam membantu saya menyiapkan laporan akhir ini juga akan saya kenang.

Terima kasih yang tidak terhingga saya tujukan kepada semua pegawai Kastam di Cawangan Marin dan Pencegahan Jabatan Kastam Diraja Malaysia Selangor. Banyak pengalaman yang saya perolehi sepanjang menjadi ahli di dalam kedua-dua cawangan tersebut. Terima kasih juga diucapkan kepada penyelia industri saya iaitu En. Gnatuadan kerana beliau banyak memberikan tunjuk ajar dan maklumat yang amat berguna kepada saya samada dalam menyiapkan laporan mahupun sebagai garis panduan bagi menempuhi alam pekerjaan.

Kepada ibu bapa dan sahabat yang telah banyak membantu saya serta memberikan semangat kepada saya, jasa kalian amat-amat di hargai. Akhir kata sekali lagi saya mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang membantu dan menyokong saya secara langsung atau tidak.

PRAKATA

Pelajar dari Fakulti Pengurusan dan Ekonomi Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) yang berada di semester 4 wajib menjalani latihan industri selama 12 minggu. Matlamat utama pelajar perlu menjalani latihan industri adalah untuk mendedahkan kepada pelajar realiti dan senario sebenar pekerjaan yang bakal ditempuhi selepas bergraduat latihan industri membawa kepada 6 jam kredit waktu kuliah dan perlu dijalankan semasa cuti pertengahan semester selama 3 bulan.

Selama menjalankan latihan industri, penyelia KUSTEM dan juga penyelia industri telah banyak memberikan dorongan dan tunjuk ajar yang berguna kepada pelatih. Penyelia industri telah menempatkan pelatih di cawangan yang berakaitan serta relevan dengan kursus yang diikuti di universiti.

SENARAI KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
Senarai Rajah	vii
Senarai Carta alir	ix
Senarai Jadual	x
Ringkasan Eksekutif	xi
 BAB 1: LATAR BELAKANG ORGANISASI	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Logo Jabatan	2
1.3 Nilai-nilai Utama Organisasi	3
1.4 Etika Perkhidmatan	4
1.5 Maklumat Organisasi	6
1.5.1 Alamat Organisasi	6
1.5.2 Anggota Majlis Tertinggi	6
1.5.3 Pengarah Kastam Ibupejabat	7
1.6 Carta Organisasi	8
1.6.1 Carta Organisasi Kastam Diraja Malaysia	8
1.6.2 Carta Organisasi Pencegahan	9
1.6.3 Carta Organisasi Pengkalan Marin	10
1.7 Aktiviti Organisasi	11

1.7.1	Analisis Persekitaran	11
1.7.2	Pelaksanaan Perancangan Strategik	13
1.8	Unit-Unit Utama Kastam	14
1.8.1	Bahagian Pengurusan	14
1.8.2	Bahagian Operasi	22
1.8.3	Bahagian Pencegahan	25
1.9	Pengkalan Marin	29
1.10	Kemahiran Yang Ingin Dipelajari	32
1.10.1	Jadual Sepanjang Latihan Industri	33

BAB 2 MENGESAN SISTEM YANG SEDIA ADA, MENGENALPASTI

MASALAH DAN CADANGAN PENYELESAIAN

2.1	Pengenalan	34
2.2	Sistem Senggaraan Berancang	35
2.2.1	Carta Alir Sistem Senggaraan Berancang	37
2.2.2	Masalah yang Dikenalpasti	38
2.2.3	Cadangan Penyelesaian	39
2.2.4	Pelaksanaan dan Implikasi	40
2.2.5	Sistem Senggaraan Berancang (Cadangan)	42
2.3	Sistem Merangka Latihan/ Kursus Di Peringkat Negeri	43
2.3.1	Carta Alir Sistem Merangka	44

	Latihan/ Kursus Di Peringkat Negeri.	
2.3.2	Masalah yang di kenalpasti	45
2.3.3	Cadangan Penyelesaian	45
2.3.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	46
2.3.5	Sistem Merangka Latihan/Kursus	47
	Peringkat Negeri (Cadangan)	
2.4	Sistem/ Prosedur Penggeledahan Kapal	48
2.4.1	Carta Alir Sistem / Prosedur Penggeledahan Kapal	49
2.4.2	Masalah yang Dikenalpasti	50
2.4.3	Cadangan Penyelesaian	50
2.4.4	Pelaksanaan Cadangan dan Implikasi	51
2.4.5	Sistem/ Prosedur Penggeledahan Kapal (Cadangan)	52

BAB 3 PENUTUP

3.1	Kesimpulan	53
	RUJUKAN	56
	LAMPIRAN	57

SENARAI RAJAH

PERKARA

MUKA SURAT

Rajah 1: Carta Organisasi Jabatan Kastam Diraja Malaysia	8
Rajah 2: Carta Organisasi Pencegahan	9
Rajah 3: Carta Organisasi Pengkalan Marin	10

SENARAI CARTA ALIR

PERKARA	MUKA SURAT
Carta Alir 1.1 : Sistem Senggaraan Berancang	37
Carta Alir 1.2 : Sistem Cadangan	42
Carta Alir 1.3 : Sistem Merangka Latihan / Kursus Di Peringkat Negeri	44
Carta Alir 1.4 : Sistem Cadangan	47
Carta Alir 1.5: Sistem / Prosedur Penggeledahan Kapal	49
Carta Alir 1.6 : Sistem Cadangan	52

SENARAI JADUAL

PERKARA

MUKA SURAT

Jadual 1 : Jadual Aktiviti Sepanjang Latihan Industri di Pengkalan Marin	33
---	----

RINGKASAN EKSEKUTIF

Jabatan Kastam di Raja Malaysia adalah sebuah badan kerajaan yang berada di bawah Kementerian Kewangan. Di tubuhkan untuk mengutip cukai yang ditetapkan oleh kerajaan Malaysia. Operasi yang dijalankan adalah memungut cukai dan juga mencegah penyeludupan. Pelatih telah ditempatkan di tiga bahagian yang berbeza iaitu bahagian Pencegahan, bahagian Marin dan juga bahagian Pengurusan. Di setiap bahagian yang telah ditempatkan sistem kerja yang digunakan adalah baik tetapi terdapat beberapa sistem yang mempunyai masalah terutamanya melibatkan masalah karenah birokrasi. Sistem Senggaraan Berancang telah dipelajari di bahagian Marin dimana sistem ini adalah sistem pertama yang dikesan mempunyai masalah. Masalah utama yang dapat dikesan adalah di bahagian permulaan sistem kerja ini dijalankan iaitu penggunaan kad yang tidak telus dan bersistematik. Pihak jabatan perlu menyediakan satu perisian yang boleh digunakan untuk memudahkan proses memasukkan maklumat senggaraan supaya ia lebih telus dan bersistematik. Masalah yang kedua dikenalpasti adalah terdapat beberapa pecahan untuk menjalankan proses pembaikpulihan bot-bot jabatan. Keadaan ini akan meningkatkan kos pengurusan. Jabatan hanya perlu melantik satu syarikat yang boleh memberikan bekalan, peralatan dan juga perkhidmatan pembaikpulihan. Selama sebulan berada di bahagian Pencegahan pelatih telah dapat menimba banyak pengalaman kerana pelatih dibenarkan untuk meyertai rondaan laut dan juga rondaan darat. Pelatih juga turut serta semasa pemeriksaan kontena dibuat di Pelabuhan Utara. Sistem kerja yang dapat dikenalpasti mempunyai masalah ialah Sistem Penggeledahan Kapal yang mana dalam sistem ini, penguasa Kastam di bahagian Pencegahan yang bertanggungjawab sepenuhnya. Sistem Uniti yang diperkenalkan akan dapat membantu dalam pengurusan dan penyeliaan anggota dengan lebih baik dan teratur. Ini kerana terdapat seorang sahaja pegawai yang akan menguruskan anggota jika terdapat operasi dan juga pengeledahan kapal. Pegawai yang di lantik akan di tukar mengikut giliran yang telah di tetapkan. Bahagian terakhir yang ditempatkan ialah di cawangan Latihan Korporat yang mana cawangan ini di bawah bahagian Pengurusan di Jabatan Kastam Di raja Malaysia. Cawangan ini adalah satu cawangan yang menguruskan latihan dan juga kursus yang dirancang dan juga yang telah ditetapkan oleh Ibu Pejabat. Sistem yang digunakan untuk mengendalikan kursus dan latihan di peringkat negeri dan kebangsaan masih boleh digunakan secara amnya, tetapi terdapat sedikit masalah yang telah dikenalpasti iaitu aliran kerja yang terlalu mengikut prosedur. Ini akan menghadkan lagi proses membuat keputusan. Sealin itu ia juga melibatkan kos yang banyak kerana terdapat lebih daripada satu jawatankuasa yang akan membuat keputusan untuk menetapkan tarikh, masa dan tempat latihan atau kursus yang akan diadakan. Dengan menubuhkan satu

jawatankuasa yang tetap untuk menguruskan latihan dan kursus ternyata ia akan dapat menjimatkan masa, kos dan juga mengelakkan daripada karenah birokrasi. Secara keseluruhannya pelatih telah dapat mencapai matlamat dan mendapat pengalaman yang cukup berharga untuk di aplikasikan semasa melangkah ke alam pekerjaan apabila tamat pengajian. Ternyata selepas menjalani latihan industri, kemahiran berkomunikasi semakin baik dan juga pelatih menjadi lebih berkeyakinan dalam apa jua perkara.